



AHMAD SARJI ABDUL HAMID (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mohammed Obaidullah sambil diperhatikan Hamad Kama Piah Che Othman (kanan) dan Musa Ahmad (dua dari kiri) sempena Syarahan Umum Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PNB tumpu usaha didik masyarakat

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Permodalan Nasional Berhad (PNB) baru-baru ini menganjurkan siri kedua Syarahan Umum Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) 2015 dalam usaha mendidik masyarakat mengenai kepentingan pelaburan dan perancangan kewangan.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid ketika menyampaikan ucapan tawar-menawar beliau berkata, usaha-usaha filantropi (kedermawanan) amat penting dalam memastikan aktiviti pelaburan dan perancangan kewangan yang mampan turut dinikmati kepada masyarakat.

"Usaha-usaha filantropi sering diertikan dengan aktiviti amal lain, walhal ia berbeza. Amal jariah hanya dapat meredakan permasalahan sosial di tahap permukaan, manakala filantropi memfokuskan terhadap penyelesaian masalah di peringkat akar umbi.

"Selain pembayaran zakat perniagaan setiap tahun dan juga sumbangan amal lain, PNB turut terlibat dalam pelbagai usaha filantropi menerusi program seperti Minggu Saham Amanah Malaysia, Seminar Pelaburan 360 Hari 1Malaysia, Kelab Pelaburan Bijak PNB 1Malaysia dan Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia," ka-

tanya.

Yang turut hadir Presiden PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman; Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

Majlis syarahan anjuran bersama USIM itu dikendalikan oleh Pemegang Kursi YTI dalam bidang Kewangan Islam dan Perbankan di USIM yang juga Pakar Kanan Latihan di Institut Latihan dan Penyelidikan Islam (IRTI), Bank Pembangunan Islam Jeddah Arab Saudi, Profesor Dr. Mohammed Obaidullah.

Majlis itu dihadiri kira-kira 400 peserta terdiri daripada ahli lembaga pengarah, pengerusi, ketua eksekutif dan pengurusan kanan syarikat Kumpulan PNB serta ahli-ahli akademik dan intelek dari universiti-universiti tempatan.

Siri ketiga syarahan tersebut mengenai asas kewangan akan diadakan pada 23 November depan yang akan disampaikan oleh Pemegang Kursi Kehormat YTI dalam bidang Pelaburan dan Kewangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Ben Jacobsen.